



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN AWAM AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

SISTEM PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (iSPKP) BAGI PERMOHONAN PEMBATALAN AKAN BEROPERASI BERMULA 5 JUN 2024

Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP) di bawah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) iaitu sistem pelesenan dalam talian telah mula beroperasi secara berfasa sejak **29 Mac 2024**.

Kesinambungan daripada itu, APAD ingin memaklumkan bahawa **PERMOHONAN PEMBATALAN (Batal Sementara/Kekal Kenderaan, Batal Permit, Batal Lesen Pengendali, Batal Surat Tawaran Kelulusan/Surat Kelulusan)** secara dalam talian akan mula beroperasi pada **5 Jun 2024 (Rabu)**. Sehubungan itu, tiada lagi urusan secara manual di kaunter bagi permohonan pembatalan bermula 5 Jun 2024. Permohonan lain seperti membaharui dan ubahsyarat masih diteruskan di kaunter sehingga satu tempoh yang akan dimaklumkan kelak.

Dalam perkembangan sama, APAD ingin menyeru kepada semua pemain industri yang masih belum membuat pendaftaran syarikat di iSPKP agar segera berbuat demikian bagi mengelakkan sebarang kesulitan permohonan di masa hadapan. Sila layari portal rasmi iSPKP iaitu <https://portal.ispkip.gov.my/> untuk mendaftar. Sebarang pertanyaan mengenai iSPKP, sila emelkan ke pertanyaan_ispkip@apad.gov.my

AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
4 JUN 2024

-TAMAT-

Pertanyaan

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)
+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mail ukk@apad.gov.my

www.apad.gov.my